

Bil. S 96

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 2 TAHUN 2000

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh cerai-an-ceraian (1) dan (2) bab 5 dari Akta Penyemakan Undang-Undang, maka Peguam Negara dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyemakan Undang-Undang Bil. 2 Tahun 2000 dan hendaklah mula kuatkuasa pada 30 haribulan Disember, 2000.

Pemasukan mukasurat-mukasurat.

2. Pemasukan dalam Undang-Undang bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual Pertama merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua Jadual tersebut adalah dengan ini dibenarkan.

Penggantian mukasurat-mukasurat.

3. Pengeluaran dari Undang-Undang bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian A Jadual Kedua yang tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua Jadual tersebut adalah dengan ini diarahkan, dan pemasukan dalam Undang-Undang, bagi menggantikan mukasurat-mukasurat yang diarahkan untuk dikeluarkan, bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian B Jadual itu yang tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua Jadual tersebut adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL PERTAMA

(perenggan 2)

Penggal	Tajuk	Mukasurat- Mukasurat
186	Perintah Darurat (Pemindahan Tugas-Tugas Menteri Undang-Undang), 1998 (S 31/98)	1 hingga 4

JADUAL PERTAMA (Sambungan)

(perenggan 2)

Penggal	Tajuk	Mukasurat- Mukasurat
187	Perintah Darurat (Agensi Keselamatan), 1999 (S 11/99)	1 hingga 14
	Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan, 2000 (S 35/2000)	1 hingga 14
188	Perintah Darurat (Bayaran Perkhidmatan Penumpang Lapangan Terbang), 1999 (S 25/99)	1 hingga 4
189	Perintah Darurat (Kanun Tanah (Strata)), 1999 (S 29/99)	1 hingga 76
190	Perintah Darurat (Perempuan Bersuami), 1999 (S 30/99)	1 hingga 24
191	Perintah Darurat (Penjagaan Kanak-Kanak), 1999 (S 31/99)	1 hingga 10
192	Perintah Darurat (Fitnah), 1999 (S 40/99)	1 hingga 14
193	Perintah Darurat (Wasiat), 1999 (S 55/99)	1 hingga 12

JADUAL KEDUA

(perenggan 3)

BAHAGIAN A

Penggal	Tajuk	Mukasurat- Mukasurat	Tulisan
98	Akta Tanda-Tanda Perniagaan	1 hingga 64	B.L.R.O. 1/1984

BAHAGIAN B

Penggal	Tajuk	Mukasurat- Mukasurat	Tulisan
98	Perintah Darurat (Tanda-Tanda Perniagaan), 1999 (S 58/99)	1 hingga 92	B.L.R.O. 2/2000

BAHAGIAN B (Sambungan)

Penggal	Tajuk	Mukasurat- Mukasurat	Tulisan
	Aturan-Aturan Tanda-Tanda Perniagaan, 2000 (S 27/2000)	1 hingga 138	B.L.R.O. 2/2000
	Peraturan-Peraturan Tanda-Tanda Perniagaan (Pengimportan Barang- Barang Langgaran), 2000 (S 46/2000)	1 hingga 6	B.L.R.O. 2/2000

Diperbuat pada hari ini 15 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 12 haribulan Disember, 2000.

DATO PADUKA AWANG KIFRAWI BIN
DATO PADUKA HAJI KIFLI
PEGUAM NEGARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.